

Allāhu Akbar! Ada di antara orang-orang kita berpengetahuan Barat semata menyangka dan membayangkan bahawa hukum Tuhan yang Maha Adil itu tidak akan dapat dijalankan, dan dibayangkan mereka pula kalau hukum Tuhan itu dilaksanakan maka ertinya orang-orang yang bukan Islam akan merbahaya dan akan dibunuh oleh orang-orang Islam. *Mashā Allāh!* Jika ini datangnya daripada orang lain tidaklah kita hairan kerana mereka tidak mengetahui tetapi ini datangnya daripada orang Islam sendiri, kerana mempertahankan kedudukan siyasatnya adalah sangat di dukacitakan!

Allāhu Akbar! Maha Suci hukum Tuhan daripada kezaliman dan berbuat zalim! Maha Suci hukum Tuhan daripada melakukan aniaya dan perkosaan! Tuhan telah meletakkan hukum-hukumnya yang tertentu bagi umat Islam dan hukum-hukum yang tertentu bagi orang-orang kafir *dhimmi* dengan suatu cara yang tidak sekali-kali melakukan kekerasan bahkan di dalam cara aman dan damai. Kerana itu janganlah hendaknya bagi kita takut bahawa hukum-hukum Islam itu akan berbuat zalim dan aniaya kepada orang-orang yang bukan Islam.

Allāhu Akbar! Sepatutnya orang-orang Islam itu sendiri menunjukkan kepada orang yang bukan Islam akan sejarah-sejarah kebaikan yang dilakukan oleh orang-orang Islam – dan orang-orang Islam sendiri mesti sedar bahawa tatkala mau melaksanakan hukum-hukum Tuhan itu tidaklah ia terus dijalankan apabila ia berkuasa. Umat Islam sendiri akan bekerja menyusunnya dengan perlahan-lahan, dengan teratur dan berperaturan tidak dengan sekali gus!

Allāhu Akbar! Semoga dengan ingatan ini, dalam kita menyebut Hari Raya ini, dapatlah saudara-saudara kita *ikhwan*

al-Muslimīn memerhatikan hal ini dan seterusnya bekerja menegakkan jihad mereka untuk menegakkan kalimah Tuhan untuk menegakkan hukum Tuhan di mana dia berada, dengan tidak sekali-kali gerun atau undur daripada tujuan mencari keredaan Tuhan!

Allāhu Akbar! Dengan ini juga pihak Qalam dan kakitangan mengucapkan syukur kehadiran Allah bahawa mereka berjaya bersama-sama hingga sekarang berusaha kepada jalan yang diredai Tuhan dengan kadar daya upayanya. Kejayaan itu tidak mereka dapati melainkan dengan kerjasama pembaca-pembaca di seluruh nusantara. Kerana itu telah wajib bagi pihak Qalam dan kakitangannya mengucapkan berbilang-banyak menerima kasih serta mengucapkan *min al-‘āidīn al-fāizīn al-Maqbūlīn kullu ‘ām wa antum bi khaīr* – kepada sekalian pembaca dan kepada penggemar-penggemarnya dan *ikhwan al-Muslimīn!*

Ingatan yang Ikhlas

Sekarang zaman menghadap pilihanraya sedang berjalan daripada ini tentunya perang lidah akan terjadi - tuduh-menuduh di antara satu badan dengan satu badan adalah menjadi perkara yang biasa didengar dan berlaku. Ini perkara biasa di dalam pilihanraya-pilihanraya di sesebuah negeri kerana satu pihak dengan pihak yang lain cuba hendak menjatuhkan lawan masing-masing.

Tetapi terkadang-kadang di dalam tuduh-menuduh itu timbul pula perkara-perkara yang menyentuh dasar sesuatu pengertian am – yang menyakiti orang-orang yang di luar daripada parti-parti yang berlawanan itu terutamanya kepada penganut-penganut agama Islam.

Baharu-baharu ini, yang teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu tatkala menyelar

PAS, sebagai pertubuhan Islam yang bergerak kuat sekarang untuk merebut kerusi di Majlis-Majlis Mesyuarat. XXX sekarang hanya diduduki oleh Perikatan dikatakan telah berkata dengan mencabar PAS supaya menunjukkan negeri manakah di dalam dunia ini yang dapat mengamalkan pemerintahan Islam yang sebenarnya seperti yang dikehendaki oleh PAS.

“Mungkin negeri Mekah dapat melaksanakan amalan pemerintahan yang seperti itu, tetapi di Mekah penduduknya seratus peratus Islam dan orang-orang kafir tidak di tempat di sana” – kata Tunku.

Seterusnya beliau mengingatkan bahawa orang-orang yang hendak berkuasa di dalam negeri ini haruslah sedar bahawa penduduk-penduduk negeri ini adalah separuh beragama lain dan berbangsa lain. Sekiranya pemerintahan negeri ini dijalankan dengan tidak mengendahkan mereka itu tentulah negeri ini akan berbangkit huru-hara dan kacau bilau.

Kita sebenarnya telah pernah berterang mengingatkan PAS di dalam beberapa perkara yang berjalan mengenai perkembangannya di dalam menunaikan kewajibannya supaya orang berpaling yakin kepada seruan agamanya kerana ada riak-riaknya, daripada apa yang boleh dilihat bahawa PAS berjalan tidak seterusnya di dalam perkembangan cita-cita agama tetapi berjalan seolah-olah di dalam usaha menyampaikan tujuan lanjutan daripada Parti Kebangsaan Melayu (MNP). Hal ini disedari atau tidak disedari pemimpin-pemimpin PAS yang jujur – tidak dapat kita telah tetapi bagi kita hanya mengingatkan jua akan apa yang mungkin terjadi.

Tetapi sebalik itu kita dengan berterus terang menyatakan bahawa perdirian kita tidak menyebelahi mana-mana

parti siasah – kita hanya dari dahulu lagi adalah berjalan untuk menegakkan tujuan dan perkembangan cita-cita agama, dan kerana itulah di sini kita wajib mengingatkan bahawa dalam masa mengadakan kempen pilihan raya sekarang janganlah hendaknya Islam, ajarannya dan keyakinannya, dijadikan sasaran untuk merobohkan lawan siasah mereka.

Dengan kerana itulah pula dengan terus terang kita meminta supaya orang-orang seperti Tunku janganlah tatkala membidas PAS terus menyentuh kepada dasar-dasar perjuangan seluruh umat Islam.

Di dalam ucapan Tunku yang kita siarkan di atas itu nyata dengan terangnya bahawa Tunku, seorang yang beragama Islam, tidak menyedari tanggungjawabnya sebagai seorang Islam bahkan dengan apa yang disebut itu nampaknya Tunku berkeyakinan:

1. Amalan-amalan hukum Islam, hukum Tuhan tidak dapat dilaksanakan di dalam dunia.
2. Amalan Islam tidak dapat dilaksanakan hanya kepada seratus peratus orang-orangnya daripada orang-orang Islam.
3. Kalau hukum-hukum Islam dijalankan maka huru-hara akan berlaku.

Bagi seseorang Islam yang beriman kepada kitab Allah dan sunnah Rasulnya adalah diwajibkan kepada mereka supaya bekerja dan berusaha dengan jihadnya untuk mencari jalan supaya hukum-hukum Allah dapat ditegakkan sekalipun hanya di antara mereka sesama mereka sahaja.

Menegakkan *dār al-Islām* itu wajib bagi tiap-tiap umat

Islam. Ini adalah satu jihad. Jika mereka tidak menyampaikan kepada tujuan yang tersebut, jika mereka tidak berusaha kepada jalan yang tersebut maka orang-orang Islam itu akan jadi zalim, fasik dan kafir.

Usaha mesti dijalankan – tenaga mesti diberi sedang berhasil atau tidak tujuan itu bukannya manusia yang menentukannya – ini ketentuan daripada tuhan sedang Allah sendiri berjanji bahawa barang siapa berusaha menolong agama Allah maka Allah akan menolong mereka itu dan mengemukakan mereka itu.

Tuhan yang membuat janji ini ialah Tuhan yang telah menolong Adam, menolong Musa seterusnya hingga kepada menolong Muhammad dan tuhan itulah yang ada sekarang, yang akan menolong hambanya yang taqwa, yang berbakti untuk menegakkan kalimah Allah, untuk menegakkan hukum-hukum Tuhan. Sebab itu perjuangan umat Islam tidak pernah patah – tidak pernah undur dan sebab itulah juga di mana-mana ada umat Islam maka di sana ada manusia yang menganjurkan supaya hukum-hukum Allah dijalankan sekalipun lehernya terpenggal!

Dengan keterangan-keterangan yang tersebut di atas inilah kita mengingatkan Tunku supaya berhati-hati mengeluarkan tuduhan-tuduhan kepada parti lawannya kerana terkadang-kadang telah menyentuh perasaan orang-orang yang beragama seperti apa yang disebutkan di atas kerana umat Islam mengerti dan yakin bahawa kalau hukum Allah dijalankan negara akan aman, berbahagia dan makmur serta diberkati Tuhan. Sejarah telah membuktikan dalam hal ini – Islam telah mengatur hidup bermasyarakat, berkerajaan dengan jayanya.

Islam telah membuktikan juga bagaimana orang-orang yang bukan Islam telah hidup aman dan damai. Mereka

sama taraf dengan orang-orang Islam. Mereka sama berat dihadapi oleh orang-orang Islam bahkan hak-hak istimewa mereka telah ditentukan oleh Islam.

Islam telah membuktikan ajarannya adalah menyeru kepada berbuat baik dan menjauhkan kejahatan. Islam menyeru umatnya menjalankan hikmah dan kebijaksanaan dan berbuat baik serta suka memaafkan. Apakah dengan dasar ini akan menimbulkan huru-hara!?

Sekiranya Tunku membidas PAS sebagaimana kita juga pernah membidasnya atas ke mana kita dibawa oleh pemimpin-pemimpinnya sekarang – kita tidak akan menegur Tunku tetapi kerana beliau telah terbabas lalu mencabar perkara-perkara yang mengenai dasar perjuangan Islam, bukan sahaja diperjuangkan oleh sebahagian orang-orang di dalam PAS tetapi banyak juga yang diluar daripadanya maka itulah kita mengingatkan di sini semoga Tunku tidak terbabas lagi.

Kita hingga sekarang masih berharap atas usaha-usaha Tunku menganjurkan diadakan dakwah terhadap orang-orang yang bukan Islam itu dilaksanakan dengan segera jangan ucapan-ucapan sahaja kerana ini adalah lebih tepat jalannya untuk mencari perpaduan umat Malaya. Dakwah tidak dapat berjalan melainkan dengan usaha dan ditenagakan. Kerana itu kalau beliau berjalan di dalam siyasah maka hendaklah beliau menyerahkan perkara itu kepada orang lain yang tidak berkait dengan siyasah negara supaya cita-cita perkembangan menyatukan umat berjaya. Ini lebih baik diusaha daripada mendatangkan tuduhan am terhadap kepada umat Islam di luar PAS – yang tadinya berharap Tunku berusaha melaksanakan cita-citanya tentang dakwah itu.